



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
MAJLIS PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU MALAYSIA

**SOALAN – SOALAN LAZIM (FAQ)**

**UMUM**

- 1. Adakah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 telah dikuatkuasakan atau belum?**

Akta Profesion Kesihatan Bersekutu telah dikuatkuatkan pada 1 Julai 2020. Pendaftaran pengamal Profesion Kesihatan Bersekutu akan bermula pada bulan Julai 2022 secara pengiliran mengikut sektor (***awam, institusi pengajian tinggi dan swasta***). Sila rujuk jadual pengiliran pendaftaran yang dikeluarkan oleh Majlis.

- 2. Adakah pindaan Jadual Kedua telah diwartakan dan dikuatkuasakan?**

Pindaan Jadual Kedua telah diwartakan dan dikuatkuasakan pada 24 Mac 2022. Jadual Kedua (2022) yang menyenaraikan 16 profesion akan menggantikan Jadual Kedua (2016) yang menyenaraikan 23 profesion. Pindaan ini melibatkan pengklusteran 6 profesion yang mengamalkan di bidang makmal perubatan dibawah satu profesion iaitu Ahli Sains Makmal Perubatan. Manakala dua profesion telah digugurkan. 16 profesion kesihatan bersekutu yang dinyatakan dalam Jadual Kedua adalah seperti berikut: -

1. Ahli Audiologi
2. Ahli Dietetik
3. Ahli Entomologi (Kesihatan Awam)
4. Ahli Fisioterapi
5. Ahli Fizik Perubatan
6. Ahli Pemakanan
7. Ahli Psikologi Klinikal
8. Ahli Radiografi Diagnostik
9. Ahli Sains Makmal Perubatan
10. Ahli Terapi Cara Kerja
11. Ahli Terapi Pertuturan-Bahasa
12. Ahli Terapi Radiasi
13. Juruteknologi Makmal Perubatan
14. Juruteknologi Pergigian
15. Pegawai Kesihatan Persekitaran
16. Pegawai Pendidikan Kesihatan

**3. Bilakah pendaftaran pengamal akan dimulakan dan berapa lama tempoh pendaftaran akan dilaksanakan?**

Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu telah menetapkan tarikh permulaan pendaftaran pengamal pada 1 Julai 2022 dan tempoh peralihan pendaftaran akan berakhir pada 30 Jun 2025 iaitu bagi tempoh 3 tahun. Pengamal Kesihatan Bersekutu boleh merujuk kepada Jadual Penggiliran Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Majlis yang mempunyai maklumat tarikh dan tempoh pendaftaran mengikut sektor awam, institusi pengajian tinggi dan swasta.

**4. Bagaimanakah cara mendapatkan salinan Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 (Akta 774) dan Peraturan-Peraturan Profesion Kesihatan Bersekutu (Fi) 2020 dan Perintah Profesion Kesihatan Bersekutu (Pindaan Jadual Kedua) 2022?**

Salinan dokumen tersebut boleh diakses dan dimuat turun melalui laman sesawang <https://alliedhealth.moh.gov.my> dan <https://alliedhealth.moh.gov.my/Mahpc/>

**5. Apakah yang dimaksudkan dengan tempoh peralihan pendaftaran pengamal yang diperuntukan di bawah Akta 774? Berapa lamakah tempoh peralihan ini?**

**Tempoh peralihan** atau **Fasa peralihan** adalah tempoh masa yang ditetapkan untuk membenarkan mana-mana pengamal yang berkemahiran, berpengalaman, berkelayakan dan sedang mengamal dalam sesuatu bidang amalan Profesion Kesihatan Bersekutu sebelum akta dikuatkuasakan, untuk memohon untuk didaftarkan sebagai pengamal Profesion Kesihatan Bersekutu dengan Majlis di bawah seksyen 17 mengikut keperluan yang ditentukan oleh Majlis.

Tempoh peralihan bermula 1 Julai 2022 sehingga 30 Jun 2025\*.

\*tertakluk kepada keputusan Majlis

## PENDAFTARAN PENGAMAL

**1. Saya adalah profesion dalam kesihatan bersekutu, tetapi profesion saya tidak tersenarai di bawah Jadual Kedua. Adakah saya boleh mendaftar?**

Profesion dalam kesihatan bersekutu yang tidak tersenarai di bawah Jadual Kedua (2022), Akta 774 tidak memerlukan pendaftaran untuk mengamal di Malaysia. Profesion Kesihatan Bersekutu yang disenarai di bawah Jadual Kedua, Akta 774 **DIWAJIBKAN** berdaftar dan mempunyai perakuan amalan yang sah jika ingin mengamal di Malaysia.

**2. Saya daripada Profesion Kesihatan Bersekutu yang ingin mengamal tanpa mendaftar, adakah dibenarkan?**

Seorang pengamal tidak boleh mengamal tanpa berdaftar dengan Akta dan perlu memiliki perakuan amalan semasa yang sah (tidak tamat tempoh). Kegagalan seseorang individu berdaftar sebelum mengamal akan diklasifikasi sebagai melakukan kesalahan dibawah Akta 774 dan tindakan perundangan boleh dikenakan jika disabitkan kesalahan.

**3. Bagaimanakah cara saya untuk mendaftar sebagai pengamal kesihatan bersekutu?**

Pendaftaran pengamal kesihatan bersekutu dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya dan boleh dicapai melalui url seperti berikut: <https://mhps.moh.gov.my/mhps/>

Pengamal (warganegara Malaysia) perlu mengemukakan maklumat berikut semasa memohon perakuan pendaftaran:

- i. Salinan Kad Pengenalan
- ii. Salinan Kelayakan Akademik/Sijil Latihan/ Sijil Lanjutan/Sijil Pos Basic/ Bukti Latihan (*On Job Training*)
- iii. Salinan Transkrip\* (Jika Ada)
- iv. Borang Pengesahan Amalan
- v. Gambar Ukuran Passport (format JPEG/ PNG)
- vi. *Letter of Good Standing* Dari Badan Profesional Jika Pernah Mengamal Di Luar Negara. (Jika Berkaitan)

\* Salinan Dokumen-dokumen perlu disahkan dan dimuatnaik kedalam Sistem MHPS.

**4. Saya adalah pengamal berdaftar, adakah menjadi satu kesalahan jika:**

- i. Saya mengamal tetapi tidak memohon sijil amalan?**
- ii. Saya tidak mengamal dan tidak memohon sijil amalan?**

- i. Seseorang yang mengamal tanpa perakuan amalan termasuk pengamal berdaftar boleh disabitkan sebagai melakukan kesalahan dan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000) atau dipenjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya [subseksyen 22 (7)].
- ii. Seseorang pengamal berdaftar yang tidak mengamal dan tidak memiliki sijil amalan tidak akan disabitkan sebagai melakukan kesalahan di bawah *subseksyen 22 (7)*, walau bagaimanapun jika pengamal berhasrat untuk mengamal semula *subseksyen 23(3)* dan *18(1)(c)* terpakai.

*\* 18. (1) Pendaftar hendaklah memotong daripada Daftar nama dan butir-butir lain pengamal berdaftar (c) yang tidak memohon kepada Pendaftar bagi pembaharuan perakuan amalan bagi tempoh enam tahun berturut-turut;*

*\* ss.23(3) Jika seorang pengamal berdaftar yang perakuan amalannya telah luput bagi tempoh empat tahun atau lebih memohon untuk membaharui perakuan amalannya, dia hendaklah menjalani suatu penilaian kompetensi yang ditentukan oleh Majlis.*

**5. Saya berhasrat untuk mendaftar sebagai pengamal berdaftar di bawah Akta 774. Apakah jenis bayaran yang akan dikenakan ke atas permohonan saya?**

Bagi Pendaftaran dan Perakuan Amalan (kali pertama) Bayaran fi yang akan dikenakan adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Jenis Bayaran</b>	<b>RM</b>
1.	Permohonan bagi Pendaftaran	50
2.	Pengeluaran Perakuan Pendaftaran ( <i>one-off</i> )	100
3.	Permohonan Perakuan Amalan	50
4.	Pengeluaran Perakuan Amalan ( <i>setiap 2 tahun</i> )	200
<b>Jumlah</b>		<b>400</b>

**6. Saya ingin mendaftar sebagai pengamal di bawah Akta 774. Adakah bayaran permohonan pendaftaran akan dikembalikan sekiranya permohonan saya tidak diluluskan?**

Bayaran RM 50.00 untuk permohonan pendaftaran tidak akan dikembalikan jika permohonan tidak diluluskan. Manakala bayaran RM 100.00 untuk pengeluaran perakuan pendaftaran akan dikenakan bagi permohonan yang diluluskan sahaja.

**7. Apakah perbezaan antara perakuan pendaftaran sebagai pengamal kesihatan bersekutu dan perakuan amalan untuk mengamal?**

Perakuan pendaftaran adalah sijil yang dikeluarkan kepada seseorang sebagai pengamal berdaftar berdasarkan kelayakan yang diiktiraf oleh Majlis. Manakala perakuan amalan adalah sijil yang dikeluarkan kepada seseorang pengamal berdaftar untuk mengamal yang menyatakan tempoh sah amalan dan tempat-tempat amalan yang sah.

**8. Saya mempunyai kelayakan tetapi saya tidak mengamal dalam profesion kesihatan bersekutu. Adakah saya perlu mendaftar?**

Mana-mana individu yang tidak berhasrat untuk mengamal dalam profesion kesihatan bersekutu seperti senarai jadual kedua (Pindaan 24 Mac 2022) tidak wajib untuk mendaftar.

**9. Jika saya mendaftar sebagai pengamal kesihatan bersekutu, adakah saya akan diberikan nombor pendaftaran khusus?**

Setiap pengamal yang berdaftar akan mempunyai nombor pendaftaran khusus mengikut profesion.

Contoh: profesion Audiologi: MAHPC(AUD)00001.

**10. Adakah saya boleh mendaftar lebih dari satu profesion jika mempunyai dua kelayakan dalam profesion kesihatan bersekutu?**

Mana-mana pengamal yang mempunyai lebih dari satu kelayakan profesion kesihatan bersekutu boleh mengemukakan permohonan untuk berdaftar namun keputusan untuk dibenarkan mengamal lebih daripada satu profesion tertakluk kepada keputusan Majlis.

**11. Adakah terdapat penetapan had umur untuk mohon pendaftaran sebagai pengamal kesihatan bersekutu?**

Mana-mana pengamal yang berhasrat untuk mengamal boleh mengemukakan permohonan untuk berdaftar tanpa penetapan had umur. Walau bagaimanapun adalah menjadi tanggungjawab pengamal berdaftar untuk menilai keupayaan masing-masing untuk meneruskan amalan mereka. Majlis

boleh mengambil tindakan keatas pengamal seperti menggantung atau prosiding disiplinari jika terdapat maklumat ketidakpatuhan Kod Etika dan Kod Tatakelakuan termasuk ketidakupayaan mengamal.

**12. Saya tidak memperbaharui perakuan amalan bagi tempoh tertentu adakah saya masih boleh mengamal dalam profesion kesihatan bersekutu?**

Mana-mana pengamal yang gagal untuk memperbaharui perakuan amalan bagi:

- (i) tempoh 4 tahun berturut-turut atau lebih akan dikehendaki menjalani suatu penilaian kompetensi yang ditentukan oleh Majlis,
- (ii) tempoh 6 tahun berturut-turut boleh dikeluarkan daripada Daftar dan tidak boleh mengamal.

Mana-mana pengamal berdaftar yang namanya telah dikeluarkan daripada Daftar boleh mengemukakan permohonan untuk kemasukan semula dengan mengemukakan fi dan sebab untuk pertimbangan Majlis.

**13. Saya seorang graduan yang baru menamatkan pengajian dalam profesion kesihatan bersekutu dan masih belum mendapat pekerjaan adakah saya perlu mendaftar?**

Mana-mana orang yang berhasrat untuk mengamal dalam profesion kesihatan bersekutu boleh mendaftar dengan memenuhi kelayakan yang ditentukan oleh Majlis dan memohon perakuan amalan setelah mendapat pekerjaan (*pengamal yang bermajikan*) manakala bagi pengamal yang bekerja sendiri perlu mendapatkan perakuan amalan sebelum mengamal.

**14. Saya bekerja di makmal perubatan hospital kerajaan/institusi pengajian tinggi/swasta yang menjalankan ujian diagnostik ke atas spesimen biologi. Adakah saya perlu mendaftar dan jika perlu bagaimana?**

Majlis telah menetapkan terdapat dua kategori profesion yang akan dikawal dibawah Akta 774 bagi bidang Sains Makmal Perubatan iaitu *Ahli Sains Makmal Perubatan* dan *Juruteknologi Makmal Perubatan*.

Pengamal yang sedang mengamal di Makmal Perubatan atau mana-mana makmal yang menjalankan fungsi boleh memohon untuk didaftarkan sebagai Ahli Sains Makmal Perubatan atau Juruteknologi Makmal Perubatan mengikut kelayakan akademik yang dimiliki seperti berikut: -

Ahli Sains Makmal Perubatan – Ijazah Sarjana Muda (mengikut disiplin) \*  
Juruteknologi Makmal Perubatan – Diploma (Teknologi Makmal Perubatan)

\*Kelayakan akademik untuk enam disiplin berikut telah diiktiraf oleh Majlis

- i. Biokimia
- ii. Mikrobiologi
- iii. Genetik Perubatan
- iv. Embriologi
- v. Bioperubatan
- vi. Forensik

*Disiplin-disiplin yang diiktiraf akan dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut keperluan.*

Pengamal boleh merujuk kepada laman sesawang Majlis untuk mendapat maklumat lanjut.

**15. Saya adalah pengamal kesihatan bersekutu yang mempunyai kelayakan diploma adakah saya layak untuk mendaftar sebagai pengamal kesihatan bersekutu?**

Pengamal yang mempunyai kelayakan akademik di tahap diploma boleh memohon untuk didaftarkan sebagai pengamal berdaftar bagi profesion-profesion berikut sahaja: -

Bil	Nama Profesion	Bahagian
1.	Ahli Fisioterapi	Dua (2)
2.	Ahli Terapi Cara Kerja	
3.	Ahli Terapi Radiasi	
4.	Ahli Radiografi Diagnostik	
5.	Pegawai Kesihatan Persekitaran	
6.	Juruteknologi Makmal Perubatan	Tiada
7.	Juruteknologi Pergigian	

**Bahagian 1** – Pendaftaran pengamal yang mempunyai kelayakan minima ijazah sarjana muda dan keatas

**Bahagian 2** – Pendaftaran pengamal yang mempunyai kelayakan diploma sahaja

## PERAKUAN AMALAN

- 1. Saya telah berdaftar dan sudah memiliki perakuan pendaftaran, adakah saya masih perlu memohon untuk mendapat perakuan amalan untuk mengamal?**

Permohonan perakuan pendaftaran adalah dibawah seksyen 17 [Akta 774] manakala permohonan perakuan amalan adalah dibawah seksyen 22 [Akta 774]. Sekiranya seorang pengamal telah berdaftar, individu tersebut masih perlu memohon dan mendapatkan perakuan amalan sebelum memulakan amalannya. Bagi pengamal yang telah membuat permohonan perakuan amalan kepada Majlis boleh meneruskan amalan mereka sehingga permohonan tersebut diluluskan dan membuat bayaran untuk pengeluaran perakuan amalan.

- 2. Saya ingin memohon perakuan amalan, bagaimanakah caranya saya membuat permohonan perakuan amalan dan apakah syarat-syarat yang akan dikenakan ke atas saya?**

Hanya pengamal berdaftar sahaja yang boleh membuat permohonan perakuan amalan. Permohonan dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya dan boleh dicapai melalui url seperti berikut: <https://mhps.moh.gov.my/mhps/>. Pengamal perlu mengemukakan alamat utama dan alamat tempat-tempat lain mereka mengamal. Sekiranya pengamal tersebut bekerja sendiri (*independent service provider*), amalan tetap pendaftaran perniagaan atau alamat tetap rumah perlu dinyatakan.

- 3. Berapakah bayaran akan dikenakan untuk proses permohonan perakuan amalan serta pengeluaran perakuan kali pertama?**

Bayaran sebanyak RM 50 akan dikenakan untuk permohonan perakuan amalan kali pertama. Sekiranya diluluskan, pengamal berdaftar tersebut perlu membuat bayaran sebanyak RM 200 untuk pengeluaran perakuan amalan. Tempoh sah laku perakuan amalan adalah untuk dua tahun. Pengamal berdaftar boleh memperbaharui perakuan amalan mereka pada bulan November pada tahun berakhirnya tempoh sah laku amalannya. Bayaran sebanyak RM 200 sahaja akan dikenakan untuk pengeluaran perakuan amalan tersebut.

- 4. Saya telah berdaftar dan mempunyai sijil amalan yang sah. Adakah saya boleh bekerja dengan syarikat/makmal/pusat/klinik yang dimiliki oleh bukan pengamal dalam bidang kesihatan bersekutu?**

Seorang pengamal kesihatan bersekutu perlu memastikan telah berdaftar dan mempunyai sijil perakuan amalan yang sah sebelum mengamal dengan mana-mana syarikat/makmal/pusat/klinik.



- 5. Saya telah mendaftar sebagai pengamal kesihatan bersekutu dan mempunyai sijil amalan yang sah, dan berkhidmat di Syarikat A. Adakah saya perlu membuat permohonan pertukaran tempat amalan sekiranya saya meletak jawatan di Syarikat A dan berhasrat untuk berkhidmat di Syarikat B?**

Seorang pengamal berdaftar perlu membuat notifikasi kepada Pendaftar, Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia bagi memohon pertukaran tempat amalan utama dan mendapatkan perakuan amalan yang menyatakan tempat amalan utama baharu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh perubahan itu. [ss.22(4)]

- 6. Saya telah mendaftar sebagai pengamal kesihatan bersekutu dan mempunyai perakuan amalan yang sah. Adakah saya dibenarkan untuk mempunyai lebih daripada satu majikan/tempat bertugas?**

Seorang pengamal berdaftar boleh mendaftarkan lebih dari satu majikan atau tempat bertugas di dalam perakuan amalan dengan menyatakan alamat tempat amalan utama dan semua tempat amalan lain pengamal berdaftar. [ss.22(4)]

- 7. Jika saya tidak memperbaharui perakuan amalan yang telah luput bagi tempoh tertentu adakah saya masih boleh memperbaharui perakuan amalan tersebut?**

Mana-mana pengamal yang gagal memperbaharui perakuan amalan, masih boleh membuat permohonan untuk memperbaharui perakuan amalan dengan membayar denda lewat sebanyak RM 100.00. Sekiranya pengamal gagal memperbaharui perakuan tanpa alasan yang munasabah bagi tempoh 4 tahun atau lebih pengamal tersebut akan menjalani satu penilaian kompetensi yang akan ditentukan oleh Majlis sebelum dilulus untuk memperbaharui perakuan amalan manakala bagi tempoh 6 tahun atau lebih, Majlis boleh membatalkan pendaftaran pengamal tersebut.

- 8. Adakah saya dikenakan apa-apa denda jika saya terlupa atau terlewat memperbaharui perakuan amalan?**

Mana-mana pengamal yang gagal untuk memperbaharui perakuan amalan mengikut tempoh yang ditetapkan, pengamal tersebut akan dikenakan denda sebanyak RM100.00 bagi permohonan selepas tamat tempoh.

## ADUAN DAN TATATERTIB

- 1. Adakah tindakan tatatertib boleh diambil ke atas saya semasa tempoh peralihan pendaftaran pengamal kesihatan bersekutu dikuatkuasakan jika saya masih belum mendaftar?**

Mana-mana individu tidak boleh dikenakan tindakan tatatertib jika dia masih belum berdaftar semasa tempoh peralihan. Tindakan tatatertib hanya boleh dikenakan ke atas Pengamal Berdaftar sahaja.

- 2. Saya sudah mendaftar sebagai pengamal Profesion Kesihatan Bersekutu tetapi tidak memohon sijil perakuan amalan, bolehkah saya menjalankan amalan?**

Seorang pengamal berdaftar tidak boleh menjalankan amalan tanpa memiliki sijil amalan yang mengandungi tempoh dan tempat amalan yang sah. Sekiranya pengamal tersebut telah membuat permohonan kepada Majlis, pengamal boleh menjalankan amalan sehingga kelulusan/keputusan dikeluarkan. Jika Majlis tidak meluluskan permohonan tersebut maka pengamal tersebut perlu memberhentikan amalan mereka serta-merta. Pengamal tersebut boleh mengemukakan rayuan mengikut tatacara yang ditentukan oleh Majlis.

Seseorang yang mengamal tanpa perakuan amalan termasuk pengamal berdaftar boleh disabitkan sebagai melakukan kesalahan dan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000) atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya [subseksyen 22 (7)].

- 3. Saya memiliki sijil perakuan amalan yang sah. Adakah saya diwajibkan mengambil Perlindungan Tanggung Rugi Profesional/Polisi Insurans Profesional (*Indemnity*) di bawah Akta 774?**

Untuk fasa permulaan, *professional indemnity* tidak dijadikan sebagai syarat pembaharuan perakuan amalan tetapi langganan *professional indemnity* adalah digalakkan sehingga Majlis membuat keputusan berhubung perkara tersebut. Pengamal sektor swasta digalakkan untuk mengambil/melanggan *professional indemnity* sebagai perlindungan keatas perkhidmatan yang diberikan.

- 4. Jika saya menerima maklumat terdapat pengamal berdaftar yang melakukan tindakan salah laku dan melanggar kod etika yang ditetapkan oleh Majlis. Di manakah aduan tersebut boleh disalurkan?**

Aduan secara bertulis boleh dikemukakan kepada Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia melalui emel [mahpc@moh.gov.my](mailto:mahpc@moh.gov.my).

**5. Jika saya disabitkan dengan kesalahan melanggar kod etika, apakah tindakan yang boleh dikenakan keatas saya?**

Mana-mana pengamal berdaftar yang disabitkan, hukuman tatatertib boleh dikenakan tindakan seperti nama pengamal boleh dipotong dari Daftar, digantung daripada Daftar bagi tempoh yang ditentukan oleh Majlis serta memerintahkan supaya pengamal berdaftar dicela (*reprimand*) seperti mana peruntukan seksyen 29 Akta 774.

**6. Jika saya didapati melanggar kod etika semasa mengamal apakah proses yang perlu saya lalui sebelum saya dijatuhkan hukuman tatatertib?**

Mana-mana pengamal berdaftar yang didapati melanggar kod etika yang ditetapkan oleh Majlis akan melalui satu proses siasatan dan inkuiri sebelum diputuskan sebarang bentuk hukuman oleh Majlis.

## **KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH AKTA 774**

- 1. Jika saya tidak mendaftar sebagai pengamal kesihatan bersekutu adakah saya boleh diambil tindakan di bawah akta ini?**

Mana-mana individu yang mengamal tanpa mendaftar boleh dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00) atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.

- 2. Jika saya memperolehi perakuan secara palsu atau mengubah sesuatu perakuan apakah tindakan yang boleh dikenakan ke atas saya?**

Mana-mana individu yang mengamal tanpa mendaftar boleh dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00) atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.

- 3. Jika saya didapati menyamar sebagai pengamal berdaftar atau menggunakan apa-apa gelaran sebagai pengamal berdaftar apakah bentuk tindakan yang boleh dikenakan ke atas saya?**

Mana-mana individu yang mengamal tanpa mendaftar boleh dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00) atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.

- 4. Jika saya didapati membuat apa-apa iklan atau kenyataan palsu yang mengelirukan berkenaan perkhidmatan kesihatan bersekutu apakah bentuk tindakan yang boleh dikenakan ke atas saya?**

Mana-mana pengamal berdaftar atau mana-mana individu yang membuat apa-apa iklan atau kenyataan palsu yang mengelirukan berkenaan perkhidmatan kesihatan bersekutu boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit (RM10,000.00) atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.

- 5. Saya menggaji seorang pengamal Profesion Kesihatan Bersekutu yang tidak berdaftar di bawah Akta 774, adakah menjadi satu kesalahan?**

Seseorang yang menggaji pengamal tanpa pendaftaran dan perakuan amalan boleh disabitkan sebagai melakukan kesalahan dan boleh dikenakan hukuman seperti yang tertakluk dibawah *subseksyen 36(1)*.

- 6. Jika saya menerima maklumat terdapat individu yang mengamal tanpa mempunyai sijil pendaftaran dan tiada sijil amalan yang sah. Di manakah aduan tersebut boleh disalurkan?**

Aduan secara bertulis boleh dikemukakan kepada Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia melalui emel mahpc@moh.gov.my.